



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

BAHAGIAN PENGAWASAN DAN PENGUATKUASA
BLOK B UTARA, ARAS 3
PUSAT BANDAR DAMANSARA
PETI SURAT 12579
50782 KUALA LUMPUR



Telefon : 03-20924488 / 20932405 / 20941181
Fax : 03-20925409 / 20925807 / 20936797
E-mail : enforcement@kpkt.gov.my

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : () dlm KPKT/08/824/

Tarikh : Julai 2007

Tuan/Puan,

**FORMAT BARU BORANG 7F SELEPAS PENGUATKUASAAN PINDAAN
AKTA 118 (KAWALAN DAN PELESENAN) 2007**

Perkara tersebut dirujukkan.

2. Sukacita di sini pihak kami maklumkan bahawa borang 7(f) yang sedia ada telah dipinda kepada format baru untuk memenuhi kehendak pindaan akta 118 tersebut yang telah dikuatkuasa pada 12 April 2007 iaitu (i) borang mestilah diisi dengan betul dan lengkap ("*correct and complete*") dan (ii) disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah.

3. Bersama-sama ini disertakan salinan borang 7(f) yang baru. Borang ini hendaklah digunakan dengan serta-merta.

4. Format borang 7(f) dalam portal *myGovernment* sedang diubahsuai mengikut format baru tersebut. Sementara itu, *print out* daripada portal *myGovernment* masih boleh digunakan dengan syarat ia disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah sebelum dihantar kepada Bahagian Pengawasan dan Penguatkuasa di alamat berikut :-

KEMENTERIAN PERUMAHAN & KERAJAAN TEMPATAN
BAHAGIAN PENGAWASAN DAN PENGUATKUASA
BLOK B (UTARA), ARAS 3,
PUSAT BANDAR DAMANSARA, PETI SURAT 12579,
50782 KUALA LUMPUR

Tambahan:


Bagi pemaju yang telah menghantar salinan hardcopy borang 7f kepada BPP/KPKT tanpa cop pengesahan Pesuruhjaya Sumpah untuk sesi Jun 2007 sebelum notis ini dikeluarkan, pemaju tidak perlu menghantar salinan tersebut untuk kali kedua bagi memenuhi kehendak pengesahan Pesuruhjaya Sumpah.

5. Sekiranya ada pertanyaan sila hubungi :-
a) **En. Mohamad Rodzi Hasan (03-20998308)**
b) **En. Ismail Bin Jamaluddin (03-20998331)**

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
”KEMPEN KITAR SEMULA – FIKIR DULU SEBELUM BUANG”**

Saya yang menurut perintah,



(DR. G. PARAMESWARAN)
Bahagian Pengawasan dan Penguatkuasaan,
b.p. Pengawal Perumahan
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

s.k.

- Bahagian Perlesenan dan Khidmat Latihan
(u/p. : **En. Hussin Bin Rani**)
- Bahagian Teknologi Maklumat
(u/p. : **En. Abdul Latif Bin Ismail**)